

# Mahu KRT aktif anjur aktiviti

JPNIN rancang tambah 16 RT, mahu tahap keselamatan masyarakat terjamin

**TELOK DATOK** - Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) ternyata mengurangkan risiko berlakunya jenayah di sesebuah kawasan.

Pegawai Perpaduan Daerah Kuala Langat, Ibrahim Abdullah berkata, Rukun Tetangga (RT) perlu diwujudkan di setiap taman perumahan baharu bagi menghidupkan suasana aman dalam komuniti.

Menurutnya, beliau juga mahu setiap RT memanfaatkan peruntukan atau geran yang diberi kerajaan dengan aktif menganjurkan pelbagai aktiviti.

"RT yang aktif dapat memastikan tahap keselamatan di kawasan mereka terjamin seterusnya membolehkan masyarakat hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang ancaman

"Kita rancang mahu perbanyakkan lagi RT pada tahun ini. Yang sekarang ada 44 RT. JPNIN (Jabatan Perpaduan

Negara Integrasi Nasional) Kuala Langat nak tambah lagi 16 RT menjadi 60 RT," katanya sempena program Malam Aspirasi dan Jasamu Dikenang, JPNIN Daerah Kuala Langat.

Sementara itu, Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdul Fatah Iskandar berkata, beliau mengakui sejak kebelakangan ini banyak berlaku kes kecurian dan samun bersenjata di sekitar Banting namun dengan adanya penambahan Skim Rondaan Sukarela (SRS) membantu mencegah aktiviti jenayah.

Menurutnya, beliau menggesa supaya rondaan yang dilakukan tidak tertumpu pada waktu malam sahaja berikutan aktiviti jenayah kini dilihat aktif pada waktu siang juga.

"Jadi JPNIN perlu membuat satu usaha meningkatkan aktiviti kawalan setiap masa dan berterusan.



Sebahagian wakil KRT yang menerima anugerah rukun tetangga daripada Abdul Fatah (belakang, tengah).

"Saya sendiri akan sertai aktiviti rondaan untuk melihat sendiri keupayaan setiap anggota SRS menjalankan tugas menjaga keamanan

sekiranya dijemput," katanya yang turut hadir merasmikan program berkenaan.

Abdul Fatah turut menyampaikan

beberapa anugerah rukun tetangga termasuk Anugerah Pengurusan Terbaik dimenangi oleh KRT Telok Datok.